

HUFFAZ SEBAGAI ASET MODAL INSAN: PELAKSANAAN STRATEGI DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)

Abdullah Hussien

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Amaluddin Arshad

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Siti Salma Mohamad Shokri

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Corresponding Author's Email: AbdullahH@uniten.edu.my

Article history:

Received : 3 March 2022

Accepted : 17 October 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Dewasa kini, golongan huffaz semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Sebelum ini golongan huffaz hanya lebih berperanan di institusi-insituti agama, namun kini para huffaz telah menembusi pasaran dalam bidang-bidang profesional mahupun bidang kritikal negara. Bertepatan dengan wawasan bagi mewujudkan negara yang harmoni, sejahtera dan maju, kita perlu menggarap semua modal insan termasuklah golongan huffaz yang ada perannya tersendiri sepertimana yang telah digagaskan menurut al-Quran dan hadis Nabi SAW. Justeru, kajian ini mengemukakan beberapa pelaksanaan strategi yang dilakukan oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dalam usaha melahirkan huffaz yang berkualiti tinggi serta menepati aspek modal insan untuk negara. Antaranya melalui medium akademik, bukan akademik, penekanan disiplin pelajar, penglibatan pelajar dalam aktiviti pembangunan insan di dalam dan juga di luar kampus, termasuk dengan bantuan sokongan berbentuk kewangan, fasiliti, pengurusan, dan pentadbiran. Pelaksanaan yang holistik ini telah menampakkan hasil yang positif melalui graduan huffaz UNITEN dengan penglibatan yang aktif dan signifikan dalam masyarakat sama ada dari aspek kerjaya mahupun sosial. Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen, observasi turut serta, dan soal selidik melalui temubual bersama beberapa responden yang terpilih. Hasil kajian ini mendapati huffaz mempunyai potensi yang tinggi dan memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan generasi al-Quran, masyarakat yang bertamadun dalam usaha mengembalikan kegemilangan negara dan ummah.

Kata kunci: Huffaz, modal insan, strategi pelaksanaan

HUFFAZ AS A HUMAN CAPITAL ASSET: STRATEGIC IMPLEMENTATION AT UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)

ABSTRACT

Nowadays, the huffaz group is getting more and more attention among the community. Previously, the huffaz only played more of a role in religious institutions, but now the huffaz have penetrated the market in both professional and critical fields of the country. Coinciding with the vision to create a harmonious, prosperous and developed country, we need to work on all human capital including the huffaz group which has its own role as it has been conceived according to the Quran and the hadith of the Prophet SAW. Therefore, this study presents several implementation strategies carried out by the Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) in an effort to produce high-quality huffaz and meet the human capital aspect for the country. Among them, through academic and non-academic mediums, emphasis on student discipline, student involvement in human development activities inside and outside the campus, including financial support, facilities, management, and administration. This holistic implementation has shown positive results through huffaz UNITEN graduates with active and significant involvement in the community whether from a career or social aspect. This study uses the method of document analysis, participant observation, and questionnaires through interviews with several selected respondents. The results of this study found that huffaz have a high potential and play a very important role in giving birth to the Quranic generation, a civilized society in an effort to restore the glory of the country and the ummah.

Keywords: Huffaz, human capital, implementation strategy

PENDAHULUAN

Al-Quran sebagai pedoman dalam pembentukan aspek modal insan sepertimana firman Allah S.W.T menerusi Surah al-Naml (27:91-92)

Maksudnya: (Katakanlah wahai Muhammad):"Aku hanyalah diperintahkan supaya menyembah Allah Tuhan negeri (Makkah) ini yang telah menjadikannya suci lagi dihormati dan yang menguasai segala-galanya; dan aku diperintahkan supaya tetap menjadi dari orang-orang Islam (yang menyerah diri bulat-bulat kepadaNya), "Dan supaya aku sentiasa membaca Al-Quran". Oleh itu, sesiapa yang menurut petunjuk (Al-Quran dan beramal dengannya) maka faedah perbuatannya itu akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat, maka katakanlah kepadanya: "Sesungguhnya aku hanyalah seorang pemberi amaran".

Menurut Fadilah Mansor (2007) modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi. Juga beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai keluarga yang mantap berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegrasi dan berdaya saing. Modal insan ini penting untuk mewujudkan personaliti yang unggul dan setiap individu perlu mengamalkan setiap unsur-unsur dalam modal insan demi menentukan hala tuju negara, bangsa dan agama.

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan institusi pengajian tinggi yang konsisten dalam usaha melahirkan modal insan yang holistik. Atas dasar tersebut, UNITEN adalah antara institusi terawal aliran sains di Malaysia yang menawarkan program pengajian tahfiz yang disepadukan dengan beberapa bidang profesional. Program yang dikenali dengan Huffaz Profesional UNITEN ini telah mula dijalankan pada tahun 2012. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN ini merupakan program bersepadu akademik dan tahfiz dengan menggabungkan program tahfiz dengan Kejuruteraan, Sains Komputer, Perakaunan ataupun Pentadbiran Perniagaan. Melihat kepada perkembangan dan sambutan yang sangat menggalakkan, UNITEN mengambil langkah proaktif pada tahun 2017 dengan memperkenalkan program Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz yang diurus sepenuhnya oleh pihak UNITEN (Muhammad Hafizan, Siti Salma, Syafawati, 2020). Program ini adalah program yang mempunyai keunikan tersendiri kerana pelajar akan mengikuti sesi pembelajaran secara serentak iaitu di antara pengajian tahfiz dan pengajian akademik dalam bidang profesional.

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian iaitu,

- a. Apakah kepentingan huffaz dalam pembinaan modal insan?
- b. Bagaimana strategi yang telah dilaksanakan oleh UNITEN dalam melahirkan huffaz sebagai modal insan?
- c. Sejauh mana keberhasilan melaksanakan strategi yang telah dijalankan?

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian, iaitu:

- a. Menenalpasti peranan dan ciri Huffaz dalam pembinaan modal insan
- b. Mengemukakan pelaksanaan strategi UNITEN dalam usaha pembinaan modal insan dalam kalangan Huffaz
- c. Menilai keberhasilan melaksanakan strategi yang telah dijalankan di UNITEN

HIFZ AL-QURAN DAN CIRI-CIRI PENGHAFAZNYA

Abdul Rahman Bin Abdul Ghani (2009), manusia merupakan khalifah Allah S.W.T di muka bumi ini, justeru itu mereka adalah pemegang segala amanah Allah dan salah satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ialah memelihara kemurnian dan kesucian al-Quran. Tanpa menjalankan tanggungjawab yang di amanahkan itu, berbagai perkara yang tidak diinginkan akan berlaku.

Setiap kalimah yang terkandung di dalam al-Quran pastinya mempunyai keistimewaan dan kepentingan tersendiri. Salah satu kalimah yang terkandung di dalam al-Quran ialah kalimah Hifz (حفظ) serta kalimah lain yang terbit darinya. Di dalam al-Quran terdapat banyak pengulangan terhadap kalimah ini iaitu sebanyak 44 kali dengan 23 pecahan yang berlainan. Ianya termuat di dalam 24 surah. Kalimah-kalimah ini didatangkan secara Fi'il, Isim, jamak dan terdapat juga yang bercantum dengan kata ganti nama yang pelbagai. Antara lafaz yang digunakan daripada kalimah ini adalah Surah al-Nisa' (4:34), Surah al-Baqarah (2:238), Surah al-Hijr (15:17), Surah al-Taubah (9:112), Surah Yusuf (12:55) dan juga dalam surah-surah lain.

Merujuk kepada Kamus Miftah (2008) dan Kamus Oxford Fajar (2011), kalimah حفظ (hafaza) bermaksud menjaga, memelihara, melindungi dan mengawal (*to keep, preserve, protect*). Manakala kalimah حفظ (hifz) pula bermaksud penjagaan, pemeliharaan, pencegahan dan hafalan. Selain itu, menurut Abd. Raof (2011) kalimah حفيظ (hafiz) adalah salah satu daripada sifat Allah S.W.T yang bermaksud Yang Maha Menjaga. Al-Damighani (1985) telah menyenaraikan enam maksud bagi kalimah *hifz* serta kalimah-kalimah terbitannya. Iaitu *al-Ilm, al-Siyannah, al-Hifz Bi al-Ainihi, al-Syafaqah, al-Dhaman* dan *al-Syahadah*.

Bagi Dasuki (2012) pula menyatakan, kalimah *hifz* mempunyai dua maksud iaitu antara nama-nama Allah S.W.T yang wajib diyakini pada susunan ke 38. Kedua, gelaran yang diberi kepada penghafaz al-Quran. Beliau juga berpendapat, tujuan utama pengajian al-Quran ialah merakamkan seluruh ayat al-Quran itu ke dalam hafalan pelajar. Menurut Abu Najihat al-Hafiz (2002) pula, selain menjadi ibadah kepada penghafaznya, menghafaz al-Quran sebenarnya mempunyai beberapa tujuan dan matlamat yang penting. Antaranya, menjaga kemutawatiran al-Quran yang mana dijelaskan bahawa dengan menghafaz al-Quran bererti satu usaha untuk menjaga al-Quran daripada sebarang penyelewengan terhadapnya. Selain itu, menghafaz al-Quran mampu meningkatkan kualiti keilmuan ummah agar benar-benar menjadikan al-Quran sebagai garis panduan dalam menjalani kehidupan.

Golongan yang dekat dengan al-Quran juga dikenali sebagai ahli al-Quran. Golongan ini mempunyai keistimewaan dan kemuliaan yang tinggi kerana kesungguhan mereka yang hanya menjadikan al-Quran sebagai panduan dan petunjuk dalam perjalanan kehidupan. Justeru, contoh paling tepat yang boleh dijadikan inspirasi dalam melahirkan generasi ahli al-Quran adalah para Sahabat Nabi S.A.W. Melalui latar kisah dan kehidupan mereka, sudah cukup membuktikan kejayaan Rasulullah S.A.W dalam membangunkan modal insan yang cemerlang berasaskan petunjuk wahyu.

Terdapat banyak ciri ahli al-Quran di kalangan generasi Sahabat yang jelas dan diiktiraf hasil pembentukan Rasulullah S.A.W yang boleh diikuti. Pertama, menurut Ahmad Kilani (2013) aspek kekuatan akidah dan keteguhan iman. Asas inilah yang menjadikan para Sahabat mampu meletakkan seluruh kehidupan mereka bagi mentaati perintah dan ajaran Allah S.W.T juga Rasulullah S.A.W. Kedua, berpegang teguh dan tegas berprinsip. Kesan daripada kekuatan akidah dan keteguhan iman, lahiriah jiwa yang teguh dan tegas berprinsip bagi memperjuang dan mempertahankan agama sepertimana yang dinyatakan menerusi ayat al-Quran dalam Surah al-Taubah (9:24). Ketiga, berkasih sayang sesama mukmin. Keempat, mendokong sepenuhnya tuntutan dakwah dan jihad dan ciri kelima iaitu kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam Surah al-Hujurat (49:15).

MODAL INSAN MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Pembangunan modal insan yang diasaskan dalam Islam berteraskan sumber wahyu sama ada al-Quran mahupun hadith sememangnya lengkap dan teratur. Modal insan yang dibangunkan bukan hanya untuk melahirkan seorang individu yang mempunyai kemahiran dan kepakaran serta diiktiraf sebagai profesional dalam bidang yang diceburi semata-mata. Namun, ianya perlu dipasak dengan nilai-nilai murni keinsanan seperti kejujuran, amanah, bertanggungjawab, berintegriti tinggi serta kompeten dalam melaksanakan tugas dan amalan hidup seharian. Justeru, beberapa aspek pembangunan modal insan boleh dilihat melalui sandaran terhadap ayat-ayat al-Quran antaranya:

Aspek keilmuan dan pendidikan

Al-Quran kitab yang menjadi sumber kepada segala ilmu dan pendidikan. Bahkan ayat pertama yang diturunkan secara langsung juga menekankan tentang ilmu. Surah al- 'Alaq (96:1). Abdul Mu'izz Muhammad (2020), menyatakan bahawa secara terang ayat ini mendedahkan 2 elemen utama yang perlu dimiliki oleh manusia iaitu intelektual dan spiritual. Ia juga sebagai manifestasi pembudayaan ilmu yang memanusikan manusia. Selain itu, melalui Surah Ali Imran (3:79):

Maksudnya: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". Tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya. (79)

Ahmad Kailani (2013) menukilkan kupasan Muhammad Adib al-Soleh terhadap ayat di atas iaitu sebenarnya al-Quran mahu memandu manusia dalam isu ini supaya sentiasa mengutamakan hubungan bersepadu yang erat dan kukuh antara ilmu, amal dan ikhlas dalam menyampaikan (mendidik) ajaran al-Quran kepada orang ramai. Justeru, dengan melihat kepada ayat-ayat ini, maka jelaslah bahawa al-Quran sangat signifikan dalam pembentukan modal insan melalui aspek ilmu dan pendidikan.

Aspek akhlak dan jatidiri

Menurut Fadilah Mansor (2007), akhlak memainkan peranan penting dalam kehidupan individu Muslim. Tanpa akhlak akan pincanglah sebuah kehidupan dan akan hancurlah sesebuah negara. Perbuatan atau akhlak yang baik itu bukan sahaja akan membawa kebahagiaan kepada orang lain, tetapi juga membahagiakan pelaku itu sendiri. Allah S.W.T. turut mengasihi dan berserta dengan orang-orang yang melakukan kebaikan.

Penghayatan ayat-ayat al-Quran yang menggesa untuk sentiasa menanam dan mengamalkan akhlak dan jatidiri yang baik antaranya telah dirakamkan dalam Surah al-Mulk (67:2). Selain itu, aspek akhlak dan jatidiri yang banyak ditekankan di dalam al-Quran adalah berkaitan kejujuran dan kebenaran. Ianya boleh di lihat menerusi Surah al-Taubah (10:119) dan juga firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Ahzab (33:70).

Aspek kesejahteraan jiwa dan kebahagiaan hidup

Pembentukan jiwa sangat dititikberatkan di dalam Islam melalui pendekatan sama ada jasmani mahupun rohani. Al-Quran menyentuh jiwa manusia sekaligus mendorong untuk mencapai kesejahteraan jiwa dan kebahagiaan hidup yang diimpikan. Kesejahteraan jiwa manusia menjadi pemangkin ke arah kebaikan dan keharmonian yang juga menjadi aset dan modal utama kecemerlangan kehidupan. Hal ini juga boleh dirujuk berdasarkan hadith-hadith yang berbentuk pesanan dan nasihat daripada Rasulullah S.A.W.

Panduan al-Quran bagi mencapai kesejahteraan jiwa didatangkan melalui ayat-ayat suruhan, galakan atau juga dengan cara larangan. Antaranya dalam Surah Taha (20:124). Secara umumnya, ayat ini memberi garis panduan bahawa kesejahteraan dan kebahagiaan yang ingin dicapai oleh manusia hanyalah melalui pedoman agama. Sebaliknya kesengsaraan pula akan dihadapi oleh mereka yang mengabaikan perintah dan petunjuk daripada Tuhan. Al-Quran merupakan kitab praktikal yang mengemukakan panduan dan solusi dalam mencapai kebahagiaan. Perkara paling utama ialah jelas dan faham matlamat kehidupan iaitu melalui Surah al-Dzariyat (51:56). Selain itu, pembentukan modal insan dalam aspek ini merujuk kepada keseimbangan di antara kehidupan di dunia dan di akhirat. Penegakan keseimbangan ini boleh dirujuk berdasarkan Surah Hud (11:15-16).

PERLAKSANAAN STRATEGI DI UNITEN

Akademik

Program Huffaz Profesional UNITEN merupakan program kurikulum bersepadu yang digabungkan di antara elemen Tahfiz al-Quran dengan bidang profesional yang terdiri daripada jurusan kejuruteraan, komputer sains, pengurusan dan akaun. Justeru, bagi memastikan pelaksanaan kelas al-Quran dan akademik dapat berjalan dengan lancar, ia disesuaikan menerusi beberapa inisiatif. Di antara inisiatif yang dilakukan dari sudut akademik adalah penyelarasan kelas dan penjadualan, tawaran subjek, pemantauan disiplin dan pencapaian akademik pelajar. Manakala dari sudut ko-kurikulum pula, inisiatif yang dilakukan adalah dengan penglibatan aktiviti ko-kurikulum, menyusun program berbentuk pembinaan jadtidiri untuk kesemua pelajar tahfiz sama ada di kampus Putrajaya atau di Muadzam Shah, Pahang. Program tahfiz ini diuruskan oleh beberapa orang tenaga pakar di kalangan pensyarah tahfiz di bawah Unit Tahfiz Pusat Islam UNITEN (UIC).

Penyelarasan kelas & penjadualan

Antara faktor utama sistem pembelajaran ini dapat berjalan dengan baik ialah penyusunan kelas dan jadual haruslah diselaraskan oleh semua pihak. Setiap semester, pihak Pendaftar akan membuka satu seksyen khas bagi semua subjek yang diambil oleh para pelajar tahfiz. Kelas hafazan al-Quran bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 11.00 pagi setiap hari. Manakala kelas akademik akan bermula selepas tamatnya kelas hafazan al-Quran. Jadual ini disusun khas untuk semua pelajar tahfiz sama ada di peringkat asasi, diploma ataupun ijazah.

Tawaran subjek

Huffaz Profesional ini terbahagi kepada dua program iaitu Pensijilan Tahfiz JAKIM-UNITEN dan *Diploma in Corporate Management Tahfiz* (DCMT). Di bawah program Pensijilan Tahfiz, pelajar menjalankan program secara serentak. Subjek yang ditawarkan adalah mengikut proforma yang digariskan pihak Darul Quran di mana pelajar wajib melengkapkan 60 jam kredit dalam tempoh 7 semester. Di antara subjek yang perlu diambil pelajar adalah *Hifz al-Quran Syafawi*, *Hifz al-Quran Tahriri*, *Tajwid Ilmi*, *Tajwid Amali*, *Adab Hamalah al-Quran*, *Fiqh Ibadat* dan *Tafsir al-Quran wa Ulumuhu*.

Lanjutan daripada sambutan kemasukan pelajar ke program Huffaz Profesional UNITEN ini, pihak universiti daripada Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial (CES) mengambil inisiatif menawarkan program DCMT yang dikendalikan pihak UNITEN sepenuhnya dan mendapat kelulusan pengiktirafan daripada *Malaysian Qualifications Agency* (MQA). Di antara subjek yang berteraskan tahfiz yang ditawarkan di bawah program DCMT ini adalah subjek Bahasa Arab, *Hifz al-Quran*, *Tajwid*, *Rasm al-Quran wa Dabtuhu*, *Fawasil wa Tarikh al-Qurra' wal Mushaf*, *Management of Dakwah*, *Pengantar al-Quran &*

Hadith, Pengantar *Fiqh* dan Pengajian Islam & Kemasyarakatan. Subjek-subjek yang berteraskan tahfiz dan pengajian Islam yang ditawarkan ini dapat membantu pelajar menguasai ilmu asas dalam bidang tahfiz, sekaligus ia mempunyai banyak nilai insan yang diterapkan untuk membina sahsiah pelajar al-Quran yang holistik.

Pemantauan disiplin pelajar

Disiplin didefinisikan sebagai peraturan yang telah ditetapkan terhadap manusia agar berkelakuan baik dan latihan pemikiran serta kelakuan supaya dapat mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib (Kamus Dewan, 2005). Selain itu, disiplin di sekolah dapat diterangkan sebagai peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar sebagai tujuan untuk mengawal tingkah laku melalui hukuman atau ganjaran yang setimpal (Abdullah Sani Yahaya, 2005). Kod disiplin pelajar dan peraturan akademik dibekalkan kepada para pelajar ketika mula mendaftar di UNITEN. Pemantauan disiplin pelajar bukan hanya dilakukan selepas berlaku kes-kes disiplin, tetapi langkah-langkah pencegahan juga telah diambil melalui beberapa inisiatif iaitu memberikan nasihat dan peringatan secara berterusan, mengeluarkan surat amaran dan juga mengadakan perbincangan bersama dengan pihak ibubapa dan penjaga.

Pemantauan pencapaian akademik

Prestasi pelajar tahfiz sentiasa dipantau pada setiap semester merangkumi subjek akademik dan tahfiz. Namun, penekanan lebih diberikan kepada subjek-subjek hafazan al-Quran memandangkan pelajar perlu menghabiskan silibus semester tersebut dan ia memerlukan komitmen serta usaha yang tinggi daripada para pelajar untuk mengikuti silibus harian yang disediakan oleh Unit al-Quran. Setiap hari Jumaat, pensyarah tasmī' perlu mengisi Laporan Prestasi Hafazan Mingguan di pautan yang disediakan dan Ketua Unit akan sentiasa memantau laporan berkenaan. Laporan pencapaian pelajar juga perlu dibentangkan dalam mesyuarat *College Academic Committee* (CAC) pada setiap pertengahan semester. Langkah ini bagi mengelakkan berlakunya keciciran dari kalangan pelajar sekaligus dapat dikesan dengan lebih awal. Manakala, prestasi keseluruhan pelajar tahfiz, dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tahfiz yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan) bersama dekan-dekan dari setiap Kolej dan beberapa ahli senat yang terpilih bagi memastikan kualiti prestasi pelajar tahfiz sentiasa seimbang di antara dua program yang berbeza yang dijalankan secara serentak ini sehingga pelajar menamatkan pengajian mereka di UNITEN.

KO-KURIKULUM

Penglibatan aktiviti (dalam & luar kampus)

Pelajar tahfiz diberi galakan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti khususnya yang dapat meningkatkan potensi diri sebagai seorang huffaz. Selagi mana pencapaian hafazan al-Quran para pelajar ini tidak mempunyai masalah dan sentiasa mengikut jadual silibus harian yang disediakan, maka mereka tidak akan disekat dan dihalang daripada melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang mereka minati. Galakan diberikan kepada para pelajar untuk menyertai pertandingan tilawah dan hafazan Al-Quran sama ada di peringkat universiti, daerah, negeri dan kebangsaan. Ini secara tidak langsung akan memantapkan lagi hafalan para pelajar dan mereka akan lebih berdisiplin dalam mengulang hafazan apabila menyertai pertandingan dan aktiviti seperti ini. Para pelajar tahfiz mempunyai kelab mereka tersendiri iaitu 'Sahabat Tazu' dan di bawah UIC terdapat juga beberapa pilihan kelab yang bergerak aktif seperti Sahabat al-Quran. Mereka sangat aktif menganjurkan program-program berteraskan al-Quran bersama masyarakat di dalam dan luar kampus.

Program berbentuk modul jatidiri

Kurikulum tahfiz UNITEN dibina dengan penekanan diberikan kepada tiga elemen utama iaitu bacaan al-Quran, hafazan al-Quran dan kefahaman al-Quran. Ini bertepatan dengan pendapat Mohamad Marzuqi Abd. Rahim (2008) bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi *talaqqi*, *i'adah*, pengujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat dan kemahiran penggunaan bahan bantuan mengajar. Bertepatan dengan perkara tersebut, beberapa pendekatan telah dirangka dan dilaksanakan. *Quran Intensive Week* dianjurkan untuk semua pelajar baru di mana mereka didedahkan dengan tips menghafal, ilmu asas berkaitan dengan *rasm al-Quran*, tajwid, bahasa al-Quran dan *tadabbur* al-Quran. Kem Huffaz Profesional dilaksanakan pada setiap akhir semester sebagai persediaan sebelum pelajar tahfiz menduduki peperiksaan akhir. Program *Daurah al-Quran* turut dianjurkan bagi membantu pelajar memahami ayat al-Quran yang dihafal. *Halaqah muraja'ah* pelajar dan *mentor-menti* al-Quran di antara pelajar *senior-junior* dijalankan secara berkala bagi membantu pelajar memantapkan hafazan al-Quran. (Syafawati, Siti Salma, Muhammad Hafizan, 2020).

SISTEM SOKONGAN

UNITEN konsisten dalam mewujudkan persekitaran ideal dan kondusif untuk memastikan aspek pembangunan pelajar dapat mencapai ke tahap yang diimpikan. Bagi memastikan kelangsungan pembelajaran tahfiz berjalan dengan baik, pihak pengurusan telah menetapkan semua pelajar tahfiz yang masih dalam pengajian adalah diwajibkan untuk menginap di kelompok penginapan dalam UNITEN. Perkhidmatan ini dibawah tanggungjawab Bahagian Penginapan, Pusat


Hal Ehwal Pelajar. Selain memudahkan urusan pengajian harian pelajar, ianya juga dalam membina dan memupuk persekitaran kehidupan kampus yang lebih baik sama ada kehidupan sesama pelajar tahfiz mahupun dengan pelajar pelajar lain.

Antara komponen terpenting bagi melahirkan huffaz yang menepati tuntutan modal insan kepada masyarakat adalah dari aspek penajaan dan bantuan kewangan. Melalui beberapa unit antaranya Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) dan Yayasan Canselor UNITEN (YCU) yang bertindak menyalur pembiayaan dan bantuan kepada pelajar secara sistematik. Muhammad Hafizan (2019), TAZU merupakan penyumbang dana terbesar dalam menggerakkan program tahfiz sejak program ini ditubuhkan pada tahun 2012. Pelajar tahfiz yang berkelayakan akan menerima tajaan yuran sepanjang pengajian tahfiz di UNITEN. Selain itu, sumbangan daripada daripada pihak TAZU tidak hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelajar, malah turut memberi bantuan kepada program pembangunan staf. Tidak hanya tertumpu kepada dua entiti dalaman sahaja, jalinan hubungan dengan badan badan penajaan pendidikan juga dipergiatkan dari masa ke semasa antaranya JPA, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Tenaga Nasional (YTN), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Pusat Pusat Zakat Negeri juga badan badan korporat.

ALUMNI

Kemenjadian alumni tahfiz UNITEN

Ukuran yang dibuat terhadap kemenjadian para alumni Tahfiz UNITEN ialah dengan melihat peranan serta sumbangan mereka kepada masyarakat sama ada melalui kerjaya atau penglibatan dalam aktiviti masyarakat. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas 108 orang alumni Tahfiz UNITEN, 61.1% daripada mereka mendapat kerjaya yang baik selepas bergraduan. Manakala 27.8% melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. 3.7% bekerja sendiri atau menjalankan perniagaan dan 7.4% tidak bekerja termasuklah yang memilih untuk menjadi suri rumah.



Rajah 1: Kerjaya Alumni Tahfiz & Penglibatan aktiviti sosial

Penglibatan (sosial/ kemasyarakatan)

Berdasarkan temubual bersama 17 orang alumni Tahfiz UNITEN, 82% terlibat aktif dengan aktiviti sosial dan khidmat masyarakat. Antara aktiviti-aktiviti tersebut yang dijalankan ialah agihan sumbangan bantuan, mengajar kelas tuisyen dan kelas Al-Quran dewasa, remaja dan kanak-kanak, menjadi imam Rawatib atau imam Tarawih, memimpin bacaan Yasiin, al-Mulk dan al-Kahfi. Manakala 18% tidak terlibat secara aktif.

Promosi

UNITEN menjalankan beberapa inisiatif dalam usaha memperkenalkan dan memasarkan program-program pengajian yang ditawarkan termasuklah program Huffaz Profesional UNITEN. Usaha ini dijalankan secara fizikal dan dalam talian. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah taklimat di sekolah-sekolah terpilih dan berpotensi di seluruh Malaysia khususnya pada hari keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, membuka *booth* dan mengedarkan brosur di karnival Pendidikan dan ekspo kerjaya, sesi temubual di radio IKIM dan TV al-Hijrah serta perkampungan Albab@UNITEN.

Sejak negara dilanda wabak pandemik COVID-19 pada awal tahun 2019, UNITEN mula memperkasakan promosi dan pemasaran program-program pengajiannya secara dalam talian. Medium utama bagi aktiviti-aktiviti promosi secara dalam talian ialah media sosial terutamanya *facebook* Huffaz Profesional UNITEN. Di antara sesi yang dianjurkan adalah program 'Bual Bicara Huffaz' secara siaran langsung, video pendek tentang al-Quran, perkongsian pengalaman daripada alumni Tahfiz, mengiklankan Hari Terbuka UNITEN, Temuduga Terbuka Tahfiz UNITEN dan perkongsian berkenaan pencapaian pelajar-pelajar tahfiz UNITEN dalam majlis tilawah dan musabaqah al-Quran peringkat daerah, negeri dan kebangsaan serta perkongsian tentang kerjaya alumni tahfiz UNITEN.

KESIMPULAN

Berdasarkan strategi-strategi yang telah dilaksanakan, ia jelas membuktikan bahawa UNITEN telah mengambil langkah proaktif selaku salah satu pemain utama dalam pendidikan tahfiz khususnya di peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Perkara ini sejajar dengan hasrat pembentukan modal insan di peringkat negara dan ummah. Pelaksanaan yang holistik ini telah menampakkan hasil yang positif melalui graduan huffaz UNITEN dengan penglibatan yang aktif dan signifikan dalam masyarakat sama ada dari aspek kerjaya mahupun sosial.

Justeru, melalui rangkuman aspek akademik, ko-kurikulum, sistem sokongan, alumni dan promosi membuktikan strategi ini membuahkan hasil yang baik. Namun, ia terbuka untuk ditambahbaik demi kelangsungan pendidikan tahfiz di masa akan datang, bukan sekadar di peringkat institusi pengajian tinggi, tetapi di peringkat negara seluruhnya.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Rahman B Abdul Ghani, *Pemeliharaan al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*, Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2009.
- Abdul Raof Dato' Haji Hasan, *Kamus Bahasa Melayu-Arab, Bahasa Arab-Melayu*, Oxford Fajar Sdn. Bhd, edisi 2, 2011.
- Abu Najihat al-Hafiz (2002), *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah dan Qari –Qariah*. Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd. Selangor.
- Al-Damighani, al-Hussain Bin Muhammad, *Qamus al-Quran aw al-Ahl Islah al-wujuh wa-al-naza'ir fi al-Qur'an al-Karim*. Tahqiq, 'Abd al-'Aziz SayyidDar al-Ilm Lil Malayiin, Beirut, 1985, hlmn 137
- Abdul Mu'izz Muhammad (2020), *Mengapa di awali dengan Iqra'?*, Paradigma Muslim: Mencermati Fenomena Semasa dan Meninjau Pedomam Masa Lalu, hlmn 1, Minda Fadilat Gemilang Resources, Rawang Selangor.
- Ahmad Kailani & (2013) *Modal Insan Menurut Perspektif al-Quran; Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Ummah* hlmn 258
- Dasuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Cet. 1 (edisi baharu), 2012.
- Fadilah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2007), *Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Pengurusan Islam*, *Jurnal of al-Tamaddun*, hlmn 85-109, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin, Mohd Fuad Mohd Isa, Al-Miftah, Al-Azhar Media, Cet. 4 (Edisi Mesir), 2008, hlmn 704.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan. 2020. *Pelaksanaan Kelas Hifz Al-Quran Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Di Uniten: Satu Pemerhatian*. Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Penerbit FPPI KUIS. Bangi.
- Muhammad Hafizan & Hamdi Ishak (2019), *Huffaz Profesional Di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Satu Pengenalan*, *Al-Qanathir International Journal of Islamic Studies Vol 3*, Hlmn 14-21.
- Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid. 2020. *Inovasi Digital Dalam Pengajaran & Pembelajaran Program Tahfiz Di Universiti Tenaga Nasional Melalui Metode Blended Learning*, Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Penerbit FPPI KUIS. Bangi.
- Syafawati Salihan, Siti Salma Mohamad Shokri, Muhammad Hafizan Abd Hamid. 2020. *Kualiti Akademik Pelajar Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)*. *Prosiding International Conference on Education Research (InCER 2020)*, hlm. 565-574.